

## **UCAPAN PENERUSI PERSIDANGAN KEBANGSAAN PERPUSTAKAAN AKADEMIK (NCOAL)**



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2015 (NCOAL 2015), Perpustakaan UMP di atas usaha mereka untuk menerbitkan Prosiding NCOAL 2015 yang telah berlangsung dengan jayanya pada 17-18 Mac 2015 bertempat di Hotel MS Garden, Kuantan. Pengumpulan kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan tersebut ke dalam bentuk prosiding ini diharapkan akan menjadi bahan rujukan yang boleh memberi impak terhadap profesion Pustakawan.

Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik atau NCOAL 2015 merupakan platform perkongsian maklumat dan percambahan idea yang bertumpu kepada amalan terbaik dalam pengurusan ilmu, institusi repository, penarafan universiti serta pengurusan data dan maklumat penerbitan dalam sesebuah universiti. Persidangan ini telah berjaya membentangkan 15 kertas persidangan (termasuk 2 kertas ucapnama) dari pelbagai institusi dengan tajuk-tajuk yang mengupas secara mendalam isu-isu berkaitan pengurusan data penerbitan dan penarafan universiti. Di harap dengan adanya medan perkongsian pengalaman dan ilmu ini dapat membuka ruang dan kesempatan selain memberi manfaat yang besar kepada semua pembentang dan peserta di dalam bidang kepustakawanan.

Akhir kata, jutaan penghargaan saya ucapkan pada semua pembentang, peserta, penaja serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan NCOAL 2015. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua Jawatankuasa NCOAL yang terlibat dalam penghasilan Prosiding NCOAL 2015 ini. Diharapkan semua akan terus gigih dan mendapat keredhaan Allah Yang Maha Esa.

Sekian. Wassalam.